| Kunjungan Hormat Persekutuan Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia (FeMAC) kepada Pendaftar MBOT | 19 September 2024 |
| Mesyuarat Majlis Pendidikan Dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) Bil. 3/2024 | 23 September 2024 |















## OKTOBER

| | |
|---|---|
| Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha MOSTI ke MBOT | 01 Oktober 2024 |
| Program MBOT & UNIKL *(Navigating The AI Landscape: Malaysia's Path To The Future)* | 02 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia | 14 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Jabatan Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) | 14 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Green Tech Corporation | 15 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Ketua Pegawai Eksekutif Melaka ICT Holdings Open Day MBOT 2024 | 15 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik) UOW Malaysia | 17 Oktober 2024 |
| Kunjungan Hormat Pendaftar MBOT kepada Naib Canselor Perdana University | 17 Oktober 2024 |
| Lawatan Korporat Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah ke MBOT | 24 Oktober 2024 |
| Sesi Perjumpaan Presiden MBOT dan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) | 29 Oktober 2024 |

## NOVEMBER

| | |
|---|---|
| *MBOT Professional Certification Graduation Ceremony* anjuran PETRONAS REFINERY and Petrochemical Corporation (PRPC) | 20 November 2024 |
| Kunjungan Hormat Delegasi Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kepada Pendaftar MBOT | 21 November 2024 |
| *MBOT Woman Technologist Chapter (WTC) Red Lips (Leadership Insight for Professional Sharing) 2024* | 26 November 2024 |













## DISEMBER

| | |
|---|---|
| Program *Tripartite Engagement Session (Outcome) 2024* dan Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) | 04 Disember 2024 |
| *Bridging Gaps in Cybersecurity: Global Capacity Building for Accredited Forum* | 13 Disember 2024 |






# PROGRAM-PROGRAM MBOT 2024








## MBOT Northern Symposium 2024

MBOT Northern Symposium 2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 11 Mei 2024 di Wawasan Open University dan dirasmikan oleh YB Jagdeep Singh Deo, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Mengangkat tema "Inovasi Teknologi Melalui Bakat Teknologi," simposium ini bukan sahaja menjadi wadah untuk perkongsian ilmu dan kepakaran mengenai teknologi terkini, tetapi juga berperanan sebagai medium untuk memperkukuh hubungan profesional dan memperluas jaringan kerjasama antara ahli MBOT, industri, dan pihak berkepentingan dalam bidang teknologi di Malaysia.



# *MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event* (MBOT ENTICE 2024)




YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, telah melancarkan Pelan Strategik MBOT STRIVE (2024-2029) sempena *MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event* (MBOT ENTICE 2024).

Dalam majlis yang penuh berprestij ini, MBOT turut menyampaikan anugerah kepada beberapa tokoh terkemuka sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam bidang teknologi dan inovasi, iaitu:

- YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak – Anugerah Kepimpinan Teknologi (Technology Leadership Award);
- YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia – Anugerah Teknologis Negara 2024;
- YBrs. Tc. Azuan Failani bin Ariffin, Penolong Pegawai Latihan ADTEC Jerantut – Anugerah Juruteknik Negara 2024; dan
- YBrs. Prof. Madya EUR. ING. Ts. Ir. Dr. Syuhaida binti Ismail – Woman Leadership Award 2024.

Majlis ini bukan sahaja meraikan pencapaian luar biasa individu-individu tersebut, tetapi juga membuktikan komitmen MBOT dalam memperkasa pembangunan bakat teknologi dan teknikal, serta mengiktiraf kepimpinan yang berwibawa dalam memacu transformasi digital negara.












# MBOT WTC RedLIPS 2024




MBOT WTC Red LIPS 2024 telah berlangsung di Hotel Cititel Midvalley, Kuala Lumpur, dengan tema *"Women in Tech Paradox"*. Acara ini berjaya menghimpunkan 136 ahli wanita MBOT, termasuk mentor, mentee, dan pemain industri dari pelbagai sektor.

Forum yang diadakan sempena program ini menampilkan figura-figura berkaliber iaitu;

YBhg. Datuk (Dr.) Yasmin Mahmood, Pengerusi Tourism Malaysia; dan YBhg. Prof. Emeritus Dr. Phang Siew Moi, FASc, Timbalan Naib Canselor UCSI University.




Sesi forum ini dikendalikan oleh YBrs. Prof. Madya EUR. ING. Ts. Ir. Dr. Syuhaida Ismail, Pengarah Penyelidikan di Institut Maritim Malaysia (MIMA).

Program WTC Red LIPS merupakan sebahagian daripada inisiatif Woman Technologist Chapter (WTC) yang mengetengahkan teknologis dan juruteknik wanita sebagai peneraju utama dan pemain penting dalam industri teknologi.










# *Student Chapter - Talent Upskilling for Networking for Employment (TUNE)*

Pada tahun 2024, MBOT Student Chapter TUNE telah meneruskan pelaksanaan siri program Campus Tech Talk dan memperkenalkan program baharu iaitu kursus kompetensi untuk memperkasa pengetahuan teknikal dalam kalangan pelajar.

*Campus Tech Talk* menampilkan teknologis dan juruteknik terkemuka dalam industri yang berkongsi pengalaman berharga mengenai peluang kerjaya dan kemahiran-kemahiran yang boleh diterokai. Sementara itu, Kursus Kompetensi pula memberi fokus untuk memberikan nilai tambah kepada pelajar dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal yang relevan dengan perkembangan terkini dalam industri.



# SENARAI AKTIVITI MBOT STUDENT CHAPTER TUNE

| BIL | AKTIVITI/ PROJEK | TOPIK PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Kolej Vokasional Port Dickson | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*Artificial Intelligence (AI)*<br>Peserta: 110 pelajar<br>Penceramah: Ts Siti Syahirah | 21 Februari 2024 |
| 2. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)<br>Kampus Kampar | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*The Evolution of Data Analytics and Its Impact*<br>Peserta: 50 pelajar<br>Penceramah: Ts. Nur Zakirah Zahran | 29 Februari 2024 |
| 3. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Kolej Vokasional Tengku Ampuan Afzan | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*Technologists with Entrepreneur Mindset*<br>Peserta: 100 pelajar<br>Penceramah: Ts. Zainuddin Elias | 17 April 2024 |
| 4. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@UiTM Sarawak | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*Merging Technologies towards Construction 4.0*<br>Peserta: 150 pelajar<br>Penceramah : Ts. Andy Tiong<br>Campus Tech Talk | 20 April 2024 |
| 5. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Kolej Komuniti Kuching | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*Building Information Modeling* (BIM)<br>Peserta: 100 pelajar<br>Penceramah: Ts. Shauqi | 24 April 2024 |
| 6. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*An afternoon with* Teknologis Negara<br>Peserta: 100 pelajar<br>Penceramah: Ts. Sukor Zainal | 29 Mei 2024 |
| 7. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*Road to Professional Technologists*<br>Peserta: 150 pelajar<br>Penceramah: Ts. Shazwan Redza Ahmad | 5 Jun 2024 |
| 8. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE<br>@Kolej Vokasional Arau | *Campus Tech Talk TUNE:*<br>*A sustainable Reverse Engineering Process*<br>Peserta: 110 pelajar<br>Penceramah: Tc. Nazrezal | 17 Julai 2024 |

| BIL | AKTIVITI/ PROJEK | TOPIK PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 9. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE @Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) | *Campus Tech Talk TUNE: A sustainable Reverse Engineering Process*<br>Peserta: 110 pelajar<br>Penceramah: Ts. Mohammad Zaharudin Ahmad Darus | 7 Ogos 2024 |
| 10. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE @Kolej Vokasional Ipoh | *Campus Tech Talk TUNE: Demand & Delivery a Technician's Fundamental to Work Execution*<br>Peserta: 150 pelajar<br>Penceramah: Tc. Mas Muhammad Haziq Saifuddin | 16 Ogos 2024 |
| 11. | *Courses Competency* TUNE @Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan kolaborasi HeiTech Padu | *Flutter Beginner*<br>Peserta : 34 | 21 September 2024 |
| 12. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE @ Universiti Malaysia Kelantan (UMK) | *Campus Tech Talk TUNE: To Expose the Student to the Latest Technology in the Composite Technology*<br>Peserta: 160 pelajar<br>Penceramah: Ts. Ahmad Zhafri bin Samsudin | 6 Oktober 2024 |
| 13. | *Courses Competency* TUNE @Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dengan kolaborasi HeiTech Padu | *Flutter Beginner*<br>Peserta : 34 | 12 Oktober 2024 |
| 14. | MBOT STUDENT CHAPTER TUNE @Politeknik Kota Kinabalu | *Campus Tech Talk TUNE: Inspiring Young Innovators Through Technology*<br>Peserta: 100 pelajar<br>Penceramah: Ts. Andy Tiong | 21 Oktober 2024 |
| 15. | *Courses Competency* TUNE @UiTM Sarawak dengan kolaborasi HeiTech Padu | *Flutter Beginner*<br>Peserta : 30 pelajar | 2 November 2024 |
| 16. | *Courses Competency* TUNE @Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Kampus Kampar dengan kolaborasi HeiTech Padu | *Reverse Engineering*<br>Peserta : 34 | 23 November 2024 |
| 17. | *Courses Competency* TUNE @Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dengan kolaborasi HeiTech Padu | *Application Security and Secure Coding*<br>Peserta : 30 | 7 Disember 2024 |



# Aktiviti *Technology and Technical Working Group* (TTWG)

MBOT telah melaksanakan pelbagai aktiviti berimpak tinggi di bawah *Technology and Technical Working Group* (TTWG), termasuk forum, webinar, lawatan teknikal, sesi jaringan sosial, dan sesi perkongsian ilmu.

Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memperkukuh pengetahuan teknikal, meningkatkan kesedaran tentang perkembangan terbaru dalam industri, serta memberi peluang kepada para profesional untuk memperluas rangkaian kerjasama mereka.









# SENARAI PROGRAM TECHNOLOGY AND TECHNICAL WORKING GROUP (TTWG)



| BIL | BIDANG TEKNOLOGI | AKTIVITI | TAJUK | TARIKH | KOLABORASI |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Aerospace And Aviation Technology (AV) | *Networking Session* | *Aerospace Professional Technologist & Certified Technicians* | 9 Mei 2024 | 1. National Aerospace Industry Corporation Malaysia (NAICO)<br>2. Technological Association Malaysia (TAM) |
| | | *Networking Session* | *Fuelling Innovation, Igniting Connections: Malaysia Takes Flight* | 21 Ogos 2024 | 1. National Aerospace Industry Corporation Malaysia (NAICO)<br>2. Technological Association Malaysia (TAM) |
| 2. | Building and Construction Technology (BC) | *Webinar* | *Mobile App Development With Zero Programming* | 20 Mei 2024 | Technological Association Malaysia (TAM), Johor |
| | | Lawatan Teknikal | *Innoveam Sdn Bhd* | 28 Ogos 2024 | Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) |
| 3. | Electric and Electrironic Technology (EE) | Seminar | *Empowering Sustainable Mobility: Innovations in Energy Efficiency and Electric Vehicle Infrastructure* | 29 Oktober | Suruhanjaya Tenaga |
| | | Forum | *Importance of Innovation to Navigate Under VUCA Landscape* | 14 Nov 2024 | Technology and Technical Working Group(TTWG) |
| 4. | Manufacturing and Industrial Technology (ME) | *Webinar* | *Emergency Response Plan (ERP)* | 27 Mac 2024 | |
| 5. | Maritime Technology (MI) | *Webinar* | Kelebihan Kesetaraan COC | 8 Mac 2024 | Politeknik Ungku Omar Marine Alumni Association<br>Politeknik Ungku Omar |
| 6. | Oil and Gas Technology (OG) | *Webinar* | *Formation Damage & Matrix Stimulation: Best Practices and Experiences from Malaysia's Assets* | 10 Julai 2024 | |
| | | Forum | *The Evolving Roles of Engineers and Technologist in Creating Sustainable Future* | 26 September 2024 | The Malaysian Oil, Gas & Energy Services Council (MOGSC) |
| | | *Networking Session* | *Oil and Gas Asia* | 26 September 2024 | The Malaysian Oil, Gas & Energy Services Council (MOGSC) |
| 7. | Food Technology (FT) | *Webinar* | *Chemometric-assisted Proteomics in Halal Analysis: Potential and Future Application* | 24 Mei 2024 | |
| | | *Webinar* | *Food Safety: Prepare For The Unexpected* | 7 Jun 2024 | |
| 8. | Art Design and Creative Multimedia Technology (AM) | Sesi Perkongsian | *Creative Minds Unite: Art Design & Creative Multimedia Professionals* | 11 Julai 2024 | Hab Media Kreatif dan Teknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) |
| | | Lawatan Teknikal | *Kota Media Angkasapuri* | 2 Oktober 2024 | Angkasapuri, Kuala Lumpur |
| 9. | Health and Medical Technology | *Networking Session* | *Health and Medical Professionals Networking Session* | 4 Disember 2024 | Universiti Kuala Lumpur British Malaysia Institute (UNIKL) |
| 10. | Cyber Security Technology (CS) | Lawatan Teknikal dan Forum | *Bridging Gaps in Cybersecurity: Global Capacity Building for Accredited Education and Certification* | 13 Disember 2024 | Cybersecurity Malaysia (CSM) |

# Statistik Program-program MBOT 2024

| 12 | 5 |
|---|---|
| Campus Tech Talk | Kursus Kompetensi |

JUMLAH AKTIVITI *STUDENT CHAPTER* - TUNE

**29**
JUMLAH SESI WEBINAR *THURSWEB*

**27**
JUMLAH PROGRAM KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI, AGENSI KERAJAAN DAN ORGANISASI

**2**
FORUM *ARTIFICIAL INTELLIGENCE* (AI)

**192**
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA PROGRAM AI

| 15 | 10 | 3 |
|---|---|---|
| Sesi Webinar TTWG | Sesi Jaringan Sosial | Lawatan Teknikal |

AKTIVITI *TECHNOLOGY AND TECHNICAL WORKING GROUP* (TTWG)

**557**
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA MBOT ENTICE

**120**
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA NORTHERN SYMPOSIUM

**136**
JUMLAH KEHADIRAN PESERTA MBOT WTC REDLIPS

# SENARAI MBOT WEBINAR SERIES 2024

| BIL | TARIKH | BIDANG TEKNOLOGI | PENCERAMAH | TOPIK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 18 Januari 2024 | Electrical and Electronic Technology (EE) | Ts. Ir. Pershanta Kumar | *Energy Transition Enablement via TNB Distribution Network's Smart Utility Program* |
| 2. | 19 Januari 2024 | Special Webinar | Ts. Shahrizal Shahrudin | *Technology Prediction 2024* |
| 3. | 31 Januari 2024 | Green Technology (GT) | Ts. Roslina Muhammad | *Game Changer: ESG and Sustainable Reporting* |
| 4. | 08 Februari 2024 | Information and Commuincation Technology (IT) | Ts. Shashi Muniandy | *Digital Crisis Management* |
| 5. | 15 Februari 2024 | Special Webinar | Ts. Najib Radzuan | *Ethical Considerations for Generative AI in DevOps: Building Trust and Ensuring Fairness* |
| 6. | 29 Februari 2024 | Atmospheric Science and Environment Technology (AC) | Ts. Muhammad Syukri bin Mohamed Rodzi | *An Introduction to National Water Balance Management System (NAWABS)* |
| 7. | 07 Mac 2024 | Telecommunication and Broadcasting Technology (TB) | Prof. Ts. Dr. Mohamad Yusoff bin Alias | *5G for Fixed and Mobile Wireless Access* |
| 8. | 07 Mac 2024 | Webinar Operasi | Puan Nurfarahin binti Madon | *Renewal & CPD Application Process Overview* |
| 9. | 08 Mac 2024 | Webinar TTWG MI | • Prof. Madya Ts. Dr. Redzuan Zoolfakar<br>• Ts. Abdul Hafiz bin Mohamad Nor | *Equivalency of COC and MBOT Registration* |
| 10. | 13 Mac 2024 | Special Webinar | Dr. S. Sri Umeswara | *Circular Economy Principles: Accelerating the adoption of Sustainable Practices* |
| 11. | 20 Mac 2024 | Special Webinar | Ts. Mahamad Sukor bin Senapi | Ramadan Sihat Tanpa Keracunan Makanan |
| 12. | 21 Mac 2024 | Biotechnology (BT) | Prof. Ts. Dr. Mohd Nasir Mohd Desa | *Microbial Genotyping for Epidemiological Surveillance* |
| 13. | 27 Mac 2024 | Webinar TTWG ME | Ts. Ahmad Afizul Haq | *Emergency Response Plan* |
| 14. | 04 April 2024 | Webinar Technology and Technical Accreditation Secretariat | Prof. Madya Ts. Ir. Dr. Tan Lai Wai | *Outcome-Based Education in Programme Accreditation* |

# SENARAI MBOT WEBINAR SERIES 2024

| BIL | TARIKH | BIDANG TEKNOLOGI | *SPEAKER* | TOPIK |
|---|---|---|---|---|
| 15. | 25 April 2024 | Building and Construction Technology (BC) | Ts. Dr. Jan-Frederik Flor | *Lightweight climate adaptive Building Envelopes* |
| 16. | 16 Mei 2024 | Manufacturing and Industrial Technology (ME) | Ts. Yew Kian Seng | *Improve Profitability by Adopting Autonomous Robot* |
| 17. | 17 Mei 2024 | Resource Based, Survey and Geomatics Technology (RB) | Ts. Dr. Muhamad Syazwan Faid | *GIS Application in Light Pollution Monitoring* |
| 18. | 23 Mei 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Ts. Muhammad Nor Abdul Rashid | *Digital Drilling* |
| 19. | 24 Mei 2024 | Food Technology (FT) | Ts. Dr. Mohd Hafis Yuswan | *Chemometric-Assisted Proteomics in Halal Analysis: Potential and Future Application* |
| 20. | 07 Jun 2024 | Food Technology (FT) | Ts. Soffian Othman | *Food Safety: Prepare for the Unexpected* |
| 21. | 20 Jun 2024 | Webinar TTWG BC | Ts. Muhamad Rais bin Abd Halim | *Mobile App Development with Zero Programming* |
| 22. | 20 Jun 2024 | Metaverse (SEA CC) | Ts. Qhawarizmi Norhisham | *Metaverse Architecture* |
| 23. | 27 Jun 2024 | Cyber Security Technology (CS) | Ts. Johari Jalaludin | *Unleashing the Power of AI: Embracing Cyber Risks and Best Practices* |
| 24. | 02 Julai 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Ts. Hj. Muhtar Suhaili | *Professional Technologist as CEO* |
| 25. | 10 Julai 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Puan Suzanna Juyanty | *Formation Damage & Matrix Stimulation: Best Practices and Experiences from Malaysia's Assets* |
| 26. | 11 Julai 2024 | Webinar TTWG ME | Ts. Dr. Kamil bin Sued | *Green & Sustainable Welding Process* |
| 27. | 25 Julai 2024 | Material Science Technology (MT) | Ts. Muhammad Afiq Afandi bin Abdul Aziz | *Extraction of Rare Earth Element (REE) from Ion Adsorption Clay Sources* |
| 28. | 01 Ogos 2024 | Nuclear and Radiological Technology (NR) | Ts. Husain bin Murat | *From Diagnosis to Treatment: The Role of Radiological and Nuclear Technologies in Medicine* |

| BIL | TARIKH | BIDANG TEKNOLOGI | *SPEAKER* | TOPIK |
|---|---|---|---|---|
| 29. | 07 Ogos 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Encik Terry Wee | *Gas Lift Challenges in Asia Region* |
| 30. | 27 Ogos 2024 | GTA Virtual Forum | • Dr. Heru Dewanto<br>• Mr. Xin Yao<br>• Moderator: Ts. Dr. Airin Niza Za'ba | *Technological Talent Integration* |
| 31. | 30 Ogos 2024 | Cyber Security | • Ts. Dr Ismamuradi bin Abdul Kadir<br>• Pn. Hazami Habib<br>• Moderator: Ts Mohamad Zaharudin bin Ahmad Darus | Kedaulatan Teknologi |
| 32. | 02 September 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Ts. Azmukiff Bin Muhammed Kifli | *Integrated Field Development Planning: Strategies for Maximizing Asset Value* |
| 33. | 05 September 25 | Cyber Security | Prof. Madya Ts. Dr. Noor Afiza Mat Razali | *Ladies in Cyber* |
| 34. | 11 September 2024 | In Honor of the Award Recipients Woman Leadership Award | Assoc. Prof. Eur Ing Ts. Ir. Dr. Syuhaida binti Ismail | *Celebrating Women's Leadership: From Passion to Recognition* |
| 35. | 12 September 2024 | Chemical Technology (CM) | Ts. Khairul Anuar Jusoh | *Basic Understanding in Scheduled Wastes Management* |
| 36. | 26 September 2024 | Agro-based Technology (AF) | Ts. Dr. Kamalul Adham bin Che Ruzlan | *Intoduction & Importance of Malaysia Good Agricultural Practices (myGAP) Certification* |
| 37. | 01 Oktober 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Encik Hieu Le | *Surveillance Strategies in Reservoir & Production Engineering: A Comprehensive Overview* |
| 38. | 03 Oktober 2024 | Aerospace And Aviation Technology (AV) | Ts. Amir Akmal Abd Rahman | *Discover the Variety of Drone Industries* |
| 39. | 10 Oktober 2024 | Transportation and Logistic Technology (TL) | Ts. Norsazlan Salim | |
| 40. | 17 Oktober 2024 | Food Technology (FT) | Ts. Nur Shukriyah binti Prof Datuk Dr. Omar | *New Product Development Process in the Food Industry* |
| 41. | 24 Oktober 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Encik Mohammed Omar | *Wellbore Stability Modelling* |

# SENARAI MBOT WEBINAR SERIES 2024

| BIL | TARIKH | BIDANG TEKNOLOGI | *SPEAKER* | TOPIK |
|---|---|---|---|---|
| 42. | 04 September 2024 | Oil and Gas Technology (OG) | Scott Gutleber | *Gas Lift Optimization in Mature Wells: Strategies for Enhanced Production Efficiency* |
| 43. | 21 November 2024 | Nuclear and Radiological Technology (NR) | Ts. Mohd Nazmi bin Saleh | *Radioactive Waste Management* |
| 44. | 28 November 2024 | Nano Technology (NT) | Lt. Ts. Thachnatharen A/l Nagarajan | *The Importance of Nanomaterials in Tribological Aspect especially in Military Sector* |
| 45. | 10 Disember 2024 | Kecerdasan Buatan (AI) | En. Hazremi Hamid | *ASEAN Guide on AI Governance and Ethics* |
| 46. | 12 Disember 2024 | Health and Medical Technology (HM) | Ts. Siong Tet | *TomoTherapy Radixact System - A Radiotherapy Technology in Cancer Treatment* |
| 47. | 19 Disember 2024 | Automotive Technology (AT) | Ts. Mohd Hisham bin Mokhtar | *Internal Combustion Engine* |

> Program-program MBOT 2024













































# LIPUTAN MEDIA

BERNAMA

## BADAN TUNGGAL PENARAFAN TVET DIWUJUDKAN, SERAGAMKAN KUALITI PROGRAM - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis TVET Negara di Putrajaya hari ini. Turut sama Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad (kiri) dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Datuk Seri Khairul Dzaimee Daud (kanan).

23/01/2024 07:31 PM

Utusan Malaysia

Satu Platfom, Semua Berita.
Rasai Pengalaman Baharu dengan Arah
arah

## Badan penarafan tunggal program TVET diwujud tahun ini – Ahmad Zahid


AHMAD Zahid Hamidi ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis TVET Negara di Bangunan Perdana Putra Putrajaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Oleh KAMARIAH KHALIDI 23 Januari 2024, 7:15 pm

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mewujudkan sebuah badan penarafan tunggal program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada tahun ini bagi menyeragamkan kualiti program berkenaan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelaksanaan badan penarafan itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Dapatkan Newsletter Percuma›

Sinar Harian

PRU | Sinar Daily | SinarPlus | Sinar Bestari | Karnival Siang Malam

Utama | Terkini | Berita | Suara Sinar | Sinar Islam | Podcast | Khas | Video

## Badan tunggal pengiktirafan, penyelarasan TVET diwujudkan

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN Follow

23 Januari 2024 06:08pm
Masa membaca: 2 minit



Ahmad Zahid Hamidi

PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Kerajaan akan mewujudkan satu badan tunggal untuk penyelarasan bagi pengiktirafan dan penarafan kelulusan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penarafan itu dilakukan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

"Ia adalah untuk menyesuaikan semua kursus TVET berdasarkan permintaan industri," katanya ketika sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis TVET negara di sini pada Selasa.

Menurutnya, penyelarasan itu juga bagi mengelakkan ketidakjajaran mengenai kursus yang tidak bersesuaian dengan keperluan industri.

"Berbeza dengan dahulu di mana silibus di dalam TVET ini dilakukan berdasarkan apa yang boleh ditawarkan, jadi perubahan yang dilakukan ini berdasarkan kepada permintaan daripada pemain industri," katanya.

NEW STRAITS TIMES

## Zahid: Govt to set up single accreditation body for TVET

By Hakim Mahari - January 23, 2024 @ 6:57pm


Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi says the government will set up a sole accreditation body for Technical and Vocational Education and Training (TVET) programmes. NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: The government has agreed to establish a single accreditation body for Technical and Vocational Education and Training (TVET) programmes this year.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the move aimed to streamline all TVET courses offered by various institutions based on industry demands while bolstering the sector.

"I acknowledge the existence of numerous agencies and TVET providers offering programmes at various levels, all with the shared objective of producing skilled and competent individuals to meet market demands and stakeholder needs.

"In light of this, we agreed to establish TVET's sole accreditation body under the 12th Malaysia Plan to establish a uniform rating mechanism for assessing programme quality.




**BH ONLINE** **MEDIA RUJUKAN MASSA:** Portal berita No. 1 di Malaysia

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA GAYA HIDUP SIHAT #MARILOKAL

MINDA PEMBACA KOMENTAR AGAMA SASTERA KOLUMNIS LAIN-LAIN (BENCANA)

## Pekerjaan tak sepadan kelulusan jadi 'bom jangka' kepada negara

Oleh Dr Md Fauzi Md Ismail - Januari 19, 2024 @ 10:02am
bhrencana@bh.com.my



Bakat dalam industri dengan kemahiran TVET patut berada di tempat sewajarnya. - Foto hiasan

Semenjak 2022, statistik pengangguran boleh dikatakan pada tahap baik, iaitu bawah 4 peratus, menghampiri statistik prapandemik. Terima kasih kepada perkembangan ekonomi, khususnya keupayaan negara keluar daripada kesan kemuncupan ekonomi akibat pandemik.

Selain itu, perkembangan beberapa sektor seperti perkhidmatan, elektronik, ekonomi digital dan teknologi baharu muncul, sekali gus membantu perkara ini. Bagaimanapun, mengambil statistik pengurangan bilangan penganggur di negara ini tidak sepatutnya menjadikan kita selesa.

Satu perkara perlu dilihat adalah penggunaan penuh kapasiti buruh sedia ada dalam pasaran kerja. Adakah bakat dan kapasiti modal insan, khususnya berkemahiran tinggi betul-betul dimanfaatkan industri dan seterusnya dapat membawa produktiviti ke tahap lebih tinggi?

Pada 2015, jumlah tenaga kerja lebih rendah daripada kelayakan adalah 1.16 juta. Namun bagi 2022, jumlah ini meningkat kepada 2.02 juta dan 1.68 juta daripadanya terdiri daripada siswazah yang mengisi jawatan tidak setara dengan kelayakan akademik.

Angka ini menunjukkan peningkatan 860,000 tenaga kerja mengisi jawatan lebih rendah bagi tempoh lapan tahun, iaitu daripada 2015 hingga 2022. Statistik ini sangat membimbangkan kerana secara purata, peningkatan lebih 100,000 orang setahun bakat tempatan bekerja lebih rendah daripada kelayakan mereka.

Dengan cabaran khususnya desakan ekonomi pada masa kini, sesetengah graduan terpaksa mengambil apa sahaja peluang yang ada demi kelangsungan hidup tanpa mengambil kira kesan jangka panjang kepada perkembangan kerjaya mereka.

**theSun**

## Penang aims to attract 150,000 talents in the next five years

BERNAMA 11-05- 2024 07:45 PM



## PENANG AIMS TO ATTRACT 150,000 TALENTS IN THE NEXT FIVE YEARS

BERNAMA English

type to start searching



Jagdeep Singh Deo 'Serving the People' fb

GEORGE TOWN, May 11 (Bernama) -- Penang aims to attract 150,000 talents in the next five years, with a focus on the semiconductor and medical technology industries, which are crucial for the state's economic growth.

Deputy Chief Minister, Jagdeep Singh Deo said Penang is commited to foster a conducive environment for technological innovation, partly undertaken through the development of tech talents.

"Penang's strategic initiatives, such as collaborations between industry and academia, investments in education programmes and attracting foreign direct investment, aim to position the state as a global hub for technological advancement and to maintain its competitive edge in the global supply chain," he said in his opening speech at the Malaysia Board of Technologists (MBOT) Northern Symposium 2024 here today.

BERNAMA Malay

taip untuk carian

SEBENARNYA.MY Tidak Pasti Jangan Kongsi
BUKAN SEMUANYA BENAR DI INTERNET! TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI
Layari sebenarnya.my untuk mengesahkan kesahihan maklumat.

AM > BERITA

## MOSTI MENERUSI MBOT DITERIMA SEBAGAI PENANDATANGAN PENUH SEOUL ACCORD

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

PUTRAJAYA, 20 Jun (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah diumumkan sebagai Penandatangan Penuh Seoul Accord pada Mesyuarat Agung Tahunan Seoul Accord yang berlangsung di India baru-baru ini.

Ia sekali gus membuktikan keupayaan Malaysia serta kredibilitinya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi di persada antarabangsa melalui pengesahan status sebagai penandatangan penuh itu.

Dalam kenyataan hari ini MOSTI memaklumkan pengiktirafan Seoul Accord dijangka membantu meningkatkan keyakinan pelabur khususnya dalam bidang teknologi tinggi bagi meluaskan operasi mereka di Malaysia kerana bakat tempatan yang kini diiktiraf adalah setaraf dan memenuhi standard antarabangsa.

dayak daily

We Choose Sarawak

## Sarawak advances technological workforce, registers 6,555 technologists as of June 2024

Jul 30, 2024 @ 15:59




*Abang Johari delivers his keynote speech during the Malaysia Board of Technologists' (MBOT) Experts Network in Technology, Innovation, and Cooperative Event (ENTICE) held at a hotel in Putrajaya, Selangor on July 30, 2024. Screenshot: Malaysia Board of Technologists/Facebook*

By Ashley Sim

KUCHING, July 30: Sarawak has made significant strides in advancing its technological workforce, registering 6,555 technologists and technicians with the Malaysia Board of Technologists (MBOT) as of June this year.

This announcement was made by Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg during his keynote address at the Malaysia Board of Technologists' (MBOT) Experts Network in Technology, Innovation, and Cooperative Event (ENTICE) held today at a hotel in Putrajaya, Selangor.

"We are committed to empowering technologists and technicians. Last year, during the MBOT Borneo Symposium, I set a goal for Sarawak to register 10,000 technologists and technicians by 2025.

"As of June 2024, we have registered 6,555. I encourage those not yet registered to do so and join us to help build a stronger nation," he said.

The MBOT ENTICE 2024 event, themed 'Celebrating Diversity and Inclusivity Through Technology,' aligns with Sarawak's strategic focus on leveraging cutting-edge technologies to boost economic growth, promote social inclusivity, and ensure environmental sustainability.

The Premier noted that initiatives such as the Sarawak Post-Covid-19 Development Strategy (PCDS) 2030 and the Digital Economy Blueprint 2030 are critical in transforming Sarawak into a digitally-driven economy.

"Our focus on digital infrastructure, green technology, and innovative solutions positions Sarawak as a leader in the Digital Economy and Green Energy sectors.

"We aim to transform Sarawak into a high-income economy by 2030, ensuring economic prosperity, social inclusivity, and environmental sustainability," he stated.

Utusan Malaysia

## MBOT bangunkan rangka kerja akreditasi kursus pendek




CHANG Lih Kang (dua dari kiri) melancarkan MBOT Strategic Plan (STRIVE) 2024-2029 pada program MBOT Experts Network In Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE) 2024 di Le Meridien Putrajaya di sini, hari ini.-UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Oleh .KAMARIAH KHALIDI 30 Julai 2024, 6:10 pm

PUTRAJAYA: Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) akan membangunkan rangka kerja komprehensif untuk mengakreditasi dan memprofesionalkan kursus pendek berkaitan teknologi dan kelayakan mikro. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang berkata, rangka kerja tersebut bakal memberi kemudahan kepada pelbagai laluan pengiktirafan dan pembangunan profesional. Menurut beliau, inisiatif itu juga adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Teknikal dan...

New SARAWAK TRIBUNE (https://www.newsarawaktribune.com.my)

## AI Centre to propel Sarawak as leader in technology

Facebook Twitter WhatsApp Telegram Email




**LET'S READ SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE E-PAPER FOR FREE AS EARLY AS 2 AM EVERY DAY. CLICK LINK (https://stssapp.com)**

**KUALA LUMPUR:** The Sarawak Artificial Intelligence Centre (SAIC) will position Sarawak as a leader in AI technology in Malaysia, enhancing local talent, attracting global experts, and accelerating AI adoption among Sarawakians.

Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg said the SAIC will concentrate on AI research, development and commercialisation.

BORNEO POST online

CelcomDigi Prepaid 5G THE WIDEST & FASTEST NETWORK IN SABAH & SARAWAK

HOME SARAWAK SABAH NATION WORLD BUSINESS SPORTS LITE STORIES FEATURES COLUMNS

YOU ARE AT: Home » News » Sarawak » Premier receives national Technology Leadership Award

## Premier receives national Technology Leadership Award

BY SAMUEL AUBREY ON JULY 30, 2024, TUESDAY AT 3:29 PM SARAWAK

*For the freshest news, join The Borneo Post's Telegram Channel and The Borneo Post on Newswav.*




*Chang presents the award to Abang Johari. Also seen is Siti Hamisah.*

KUCHING (July 30): The Malaysia Board of Technologists (MBOT) presented Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg with the Technology Leadership Award today.

Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang presented the award at the MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE) event in Putrajaya.

When announcing the award, MBOT president Prof Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir called Abang Johari a true pioneer of technological advancement.

# PENYATA KEWANGAN

## Ringkasan Kewangan



# Laporan Kewangan

Penyata Kewangan MBOT bagi Tahun 2024 telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) sejak diluluskan pemakaiannya pada tahun 2017. Pada tahun 2024, jumlah pendapatan yang diperoleh MBOT bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM12,418,869.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM11,626,061.00 merupakan hasil yang diterima daripada fi pendaftaran, fi pembaharuan keahlian, fi penilaian profesional, fi akreditasi, yuran bengkel latihan panel penilai Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) daripada Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) dan fi bagi Approved Training Provider (ATP). Manakala, sebanyak RM686,008.00 adalah daripada hasil keuntungan atas akaun semasa dan deposit tetap. MBOT juga mendapat keuntungan daripada penjualan cenderahati kepada ahli sebanyak RM13,800.00.

Pada tahun 2024, MBOT telah menganjurkan dua program utama iaitu MBOT Northern Symposium 2024 dan MBOT Experts Network in Technology, Innovation and Cooperative Event (ENTICE) 2024. Daripada penganjuran kedua-dua program tersebut, MBOT telah memperoleh tajaan sebanyak RM93,000.00 bagi menampung sebahagian perbelanjaan program-program ini.

Pendapatan MBOT pada tahun 2024 meningkat sebanyak 35.09% berbanding tahun 2023 (RM9,193,257.00). Manakala perbelanjaan MBOT pada tahun 2024 adalah sebanyak RM8,096,360.00 iaitu meningkat sebanyak 23.65% berbanding tahun 2023 (RM6,548,010.00). Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kos operasi yang melibatkan pelarasan gaji baharu yang diumukan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 dan peningkatan dalam pembayaran honorarium panel penilai akreditasi bagi program kitaran baharu di kolej vokasional sebanyak 366 program. Selain itu, perbelanjaan bagi program/ aktiviti ahli yang dilaksanakan pada tahun 2024 juga turut menyumbang dalam peningkatan perbelanjaan tersebut.

MBOT telah mencatatkan lebihan pendapatan (sebelum cukai) sebanyak RM4,322,509.00 pada tahun 2024, meningkat sebanyak 63.41% berbanding tahun 2023 (RM2,645,247.00). Penyata Kedudukan Kewangan MBOT pada 31 Disember 2024 menunjukkan peningkatan jumlah aset kepada RM27,506,000.00, iaitu pertambahan sebanyak RM4,454,230.00 berbanding tahun 2023. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembelian tujuh unit ruang pejabat baharu MBOT di Menara Ochre, Putrajaya. Langkah ini merupakan pelaburan strategik dalam pengukuhan aset tetap di MBOT di samping mengurangkan beban sewaan pejabat yang dilakukan selama ini. Jumlah aset semasa pula sebanyak RM22,597,924.00 melebihi liabiliti semasa iaitu RM907,615.00. Ini memberikan nisbah semasa 25:1 yang menggambarkan keupayaan MBOT dalam memaksimumkan aset semasa bagi memenuhi hutang semasa dan pembayaran lain.

# Pecahan Terimaan MBOT 2024



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Lembaga Teknologis Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Teknologis Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [*Akta 768*].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Lembaga Teknologis Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [*Akta 768*]. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

2 / 4

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Teknologis Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Teknologis Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Teknologis Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Lembaga Teknologis Malaysia hendaklah segera memuktamadkan perjanjian tambahan dengan pihak vendor bagi pembangunan sistem kewangan dan memastikan terma-terma kontrak yang dipersetujui melindungi kepentingan Kerajaan. Sekiranya masih gagal, tindakan perundangan wajar dilakukan memandangkan sistem ini sepatutnya selesai dibangunkan pada Januari 2024.

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia berdasarkan keperluan Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [*Akta 768*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2025

4 / 4

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

| | NOTA | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Aset Semasa | | | |
| Wang di Bank | 5 | 2,963,706 | 5,225,995 |
| Deposit Tetap | 6 | 19,126,038 | 16,633,449 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 7 | 371,501 | 215,905 |
| Bayaran Terdahulu | 8 | 136,679 | 218,677 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 22,597,924 | 22,294,026 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Deposit | 10 | 109,100 | 108,600 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 11 | 4,178,663 | 424,295 |
| Aset Dalam Pembinaan | 9 | 617,746 | 218,890 |
| Aset Tak Ketara | 12 | 3,467 | 6,859 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | | 4,908,976 | 758,644 |
| Jumlah Aset | | 27,506,900 | 23,052,670 |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 13 | 198,160 | 92,643 |
| Lain-Lain Belum Bayar | 14 | 41,382 | 101,889 |
| Pendapatan Terdahulu– Fi Akreditasi | 15 | 138,000 | 71,000 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | 16 | 454,345 | 249,616 |
| Peruntukan Cukai | 17 | 75,728 | 70,360 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 907,615 | 585,508 |
| **Jumlah Liabiliti** | | 907,615 | 585,508 |
| **ASET BERSIH** | | 26,599,285 | 22,467,162 |
| **ASET BERSIH** | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 26,599,285 | 22,467,162 |
| **Jumlah Aset Bersih** | | 26,599,285 | 22,467,162 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | NOTA | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil Urus Niaga Pertukaran | 18 | 12,312,069 | 9,116,640 |
| Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran | 19 | 93,000 | 70,000 |
| Lain-lain Hasil | 20 | 13,800 | 6,617 |
| **Jumlah Hasil** | | 12,418,869 | 9,193,257 |
| | | | |
| **Belanja** | | | |
| Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja | 21 | 3,326,886 | 2,828,364 |
| Perbelanjaan Am | | 45,292 | 42,734 |
| Sewaan | 22 | 398,738 | 408,790 |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 11 | 149,727 | 184,825 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | 12 | 3,392 | 16,660 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | | 48,256 | 36,792 |
| Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan | 23 | 869,754 | 423,475 |
| Perhubungan dan Utiliti | 24 | 152,315 | 200,134 |
| Perkhidmatan Percetakan | | 172,850 | 260,017 |
| Perkhidmatan Pekerja Sambilan/ Sementara | | 240,002 | 143,581 |
| Lain-lain Belanja Perkhidmatan | 25 | 920,715 | 613,844 |
| Elaun Mesyuarat & Panel Penilai | 26 | 1,267,465 | 804,340 |
| Kakitangan Penting Pihak Pengurusan | 27 | 302,673 | 373,797 |
| Program ENTICE | 28 | 198,295 | 210,657 |
| **Jumlah Belanja** | | 8,096,360 | 6,548,010 |
| **Lebihan Sebelum Cukai** | | 4,322,509 | 2,645,247 |
| Cukai | 17 | 190,386 | 146,763 |
| **Lebihan Bagi Tahun** | | 4,132,123 | 2,498,484 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | LEBIHAN TERKUMPUL RM |
|---|---|
| Baki pada 01.01.2023 | 19,968,678 |
| Lebihan bagi Tahun | 2,498,484 |
| Baki pada 31.12.2023 | 22,467,162 |
| Baki pada 01.01.2024 | 22,467,162 |
| Lebihan bagi Tahun | 4,132,123 |
| Baki pada 31.12.2024 | 26,599,285 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | NOTA | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Lebihan sebelum cukai | | 4,322,509 | 2,645,247 |
| Pelarasan: | | | |
| Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 11 | 149,727 | 184,825 |
| Keuntungan atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | 20 | - | (6,617) |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | 12 | 3,392 | 16,660 |
| Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa | 18 | (686,008) | (567,012) |
| Manfaat Pekerja | 16 | 436,855 | 119,361 |
| **Lebihan bagi Tahun Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja** | | 4,226,475 | 2,392,464 |
| Penurunan dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 7 | 19,360 | 430 |
| Penurunan Bayaran Terdahulu | 8 | 81,998 | 155,201 |
| Peningkatan/ (Penurunan) dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 13 | 105,517 | (48,456) |
| Penurunan dalam Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | | - | (102,000) |
| (Penurunan)/ Peningkatan Lain-lain Belum Bayar | 14 | (60,507) | 80,060 |
| Peningkatan/ (Penurunan) Pendapatan Terdahulu- Fi Akreditasi | 15 | 67,000 | (574,780) |
| Deposit Dibayar | 10 | (500) | (6,000) |
| **Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi** | | 4,439,343 | 1,896,919 |
| Cukai Dibayar | 17 | (185,018) | (130,862) |
| Manfaat Pekerja Dibayar | 16 | (232,126) | (237,917) |
| **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi** | | 4,022,199 | 1,528,140 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan | 11 | (3,904,095) | (129,190) |
| Aset Dalam Pembinaan | 9 | (398,856) | (218,890) |
| Terimaan Keuntungan atas Deposit Tetap dan Akaun Semasa | | 511,052 | 516,577 |
| Terimaan atas Penjualan Aset | | - | 23,500 |
| **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan** | | (3,791,899) | 191,997 |
| Peningkatan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | | 230,300 | 1,720,137 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | | 21,859,444 | 20,139,307 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | | 22,089,744 | 21,859,444 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:** | | | |
| Wang di Bank | 5 | 2,963,706 | 5,225,995 |
| Deposit Tetap | 6 | 19,126,038 | 16,633,449 |
| | | 22,089,744 | 21,859,444 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## 1. MAKLUMAT AM

Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bagi tahun kewangan 2024 telah diluluskan oleh Anggota Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga Teknologis Malaysia Bil.6/2025 pada 3 Jun 2025.

Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan MBOT.

## 2. KEGIATAN UTAMA

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) pada 1 Ogos 2015. Kegiatan utama MBOT adalah mengiktiraf profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas di Malaysia serta menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi dan teknikal.

## 3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan MBOT adalah berterusan;

(b) Akaun-akaun MBOT yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya;

(c) Penyata Kewangan MBOT telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS); dan

(d) Tiada piawaian/pindaan baru yang digunapakai oleh MBOT di dalam tahun kewangan semasa;

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### (a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah terdiri daripada Wang di Bank dan Deposit Tetap di Bank-bank berlesen yang bertarikh matang kurang daripada 12 bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus sepanjang tempoh usia guna aset tersebut pada kadar yang berikut:

| KATEGORI | USIA GUNA (TAHUN) |
|---|---|
| Kenderaan | 8 |
| Perabot | 10 |
| Komputer dan Peralatan ICT | 5 |
| Pengubahsuaian Pejabat | 2 - 3 |
| Peralatan dan Kelengkapan Pejabat | 5 |
| Hartanah | 50 |

Usia guna bagi pengubahsuaian pejabat adalah tertakluk berdasarkan tempoh kontrak perjanjian sewa.

Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000.00 bagi setiap item.

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang hasil atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

### (c) Aset Dalam Pembinaan

Aset Dalam Pembinaan terdiri daripada pembangunan sistem kewangan dan sistem pendaftaran MBOT.

Pembangunan sistem kewangan MBOT dan sistem pendaftaran MBOT akan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara apabila sistem telah siap sepenuhnya setelah disahkan oleh Pembekal dan MBOT.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (c) Aset Dalam Pembinaan (Sambungan)

Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan dan akan dikategorikan sebagai Aset Bukan Semasa.

### (d) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara pada awalnya direkodkan pada kos.

Aset tak ketara dengan usia guna dapat ditentukan berikutnya pada kos ditolak dengan sebarang pelunasan dan kerugian rosot nilai (jika ada). Pelunasan dicaj kepada penyata prestasi kewangan secara garis lurus sepanjang usia guna aset. Pada kebiasaannya, usia guna perisian dan sistem komputer adalah tiga hingga lima tahun. Usia guna dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Aset tak ketara dengan usia guna tidak dapat ditentukan tidak dilunaskan, tetapi diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Untung dan rugi daripada pelupusan aset tak ketara diiktirafkan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urusniaga tersebut berlaku.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### (e) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

<u>Aset Penjanaan Tunai</u>

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, MBOT mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya. Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (e) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

Aset Penjanaan Tunai (Sambungan)

diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut.

Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, MBOT menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Aset Penjanaan Bukan Tunai

MBOT akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka MBOT akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, MBOT telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (e) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

Aset Penjanaan Bukan Tunai (Sambungan)

Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut.

Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, MBOT menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

### (f) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan serta pinjaman dan belum bayar.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (f) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau rosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan.

Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang nyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### (g) Bayaran Terdahulu

Bayaran Terdahulu adalah amaun yang dibayar terlebih dahulu sebelum barangan atau perkhidmatan diterima. Bayaran Terdahulu dibuat kepada Touch 'n Go bagi percetakan kad keahlian dan diiktiraf selepas terimaan barang atau perkhidmatan telah disempurnakan.

### (h) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila MBOT mempunyai kewajipan undang-undang dan konstruktif semasa akibat peristiwa masa lalu dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (h) Peruntukan Liabiliti (Sambungan)

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tidak lagi mungkin bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan, peruntukan itu dibalikkan.

### (i) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam MBOT, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, MBOT hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada MBOT dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Pengiktirafan hasil MBOT yang terdiri daripada:

(1) Fi Pendaftaran – Hasil akan diiktirafkan berdasarkan permohonan yang layak dan telah diputuskan oleh Lembaga dalam tahun kewangan yang sama;

(2) Fi Penilaian Profesional – bayaran diterima daripada teknologis ijazah/juruteknik berkelayakan apabila membuat permohonan penilaian. Hasil akan direkodkan apabila pemohon membuat permohonan penilaian pada tahun kewangan yang sama;

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (i) Pengiktirafan Hasil (Sambungan)

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (Sambungan)

(3) Fi Pembaharuan Keahlian – dibayar oleh Teknologis Profesional/Juruteknik Bertauliah setiap tahun apabila tamat tempoh keahlian dalam tahun kewangan. Hanya yuran tahunan berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan;

(4) Fi Akreditasi – dibayar oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mahupun Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) berdasarkan program teknologi dan teknikal yang didaftarkan bagi tujuan akreditasi. Pengiktirafan akreditasi adalah berdasarkan perkhidmatan akreditasi yang dijalankan di dalam tahun kewangan yang sama;

(5) Keuntungan daripada pelaburan yang diterima pada tarikh matang /pengeluaran serta keuntungan dari simpanan akaun semasa. Keuntungan dari mana-mana pelaburan yang dibuat diiktiraf pada dasar perkadaran masa;

(6) Yuran Bengkel – Merupakan yuran yang dibayar oleh ahli MBOT bagi menyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh MBOT pada tahun kewangan semasa. Pengiktirafan hasil dibuat apabila bengkel tersebut diadakan pada tahun kewangan semasa; dan

(7) Yuran Tahunan (Approved Training Provider) – Merupakan yuran yang dibayar oleh Syarikat, organisasi atau institusi yang menyediakan latihan dan pendidikan bagi tujuan pembelajaran sepanjang hayat. Pengiktirafan hasil adalah berdasarkan penerimaan yuran pada tahun semasa.

### (j) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun, bonus, sumbangan keselamatan sosial, manfaat-manfaat bukan kewangan seperti kos perubatan dan bayaran tempat letak kereta dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan MBOT.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (j) Manfaat Pekerja (Sambungan)

(i) Manfaat Jangka Pendek (Sambungan)

(1) Gantian Cuti Rehat

Manfaat bagi ganjaran cuti tahunan yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh kontrak (kurang 12 bulan) juga dibayar dan dianggap sebahagian daripada manfaat pekerja jangka pendek.

MBOT mengiktiraf pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai lantikan secara kontrak. Pemberian ini adalah diberi selepas tamatnya tempoh kuatkuasa sesuatu kontrak. Pembayaran wang tunai ini dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X jumlah gaji dan imbuhan tetap bulanan (yang akhir diterima bagi kontrak berkaitan) X bilangan cuti rehat yang dibenarkan (tertakluk kepada maksimum 12 hari atau ½ daripada kadar cuti rehat yang berkelayakan pada tahun berkenaan)

Pemberian wang tunai ini yang akan dibayar pada tahun kewangan berikutnya dijadikan sebagai peruntukan dalam liabiliti semasa berdasarkan had maksimum yang boleh dibayar sebanyak 12 hari.

(2) Imbuhan Tahunan

Imbuhan tahunan dibayar berkaitan prestasi dan perkongsian untung dan dibayar dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan.

MBOT mengiktiraf jangkaan kos dijangka bagi bayaran imbuhan tahunan dalam liabiliti dan perbelanjaan dalam tahun kewangan semasa sekiranya kedudukan kewangan MBOT menunjukan prestasi yang baik.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (j) Manfaat Pekerja (Sambungan)

(i) Manfaat Jangka Pendek (Sambungan)

(3) Kemudahan Perubatan

Manfaat kemudahan perubatan merupakan kemudahan perubatan semasa yang diberi kepada kakitangan untuk digunakan dalam tempoh tahun kewangan semasa. MBOT memberikan peruntukan sebanyak RM200 sebulan bagi setiap kakitangan.

Jika kakitangan menggunakan peruntukan ini melebihi had yang ditetapkan, kakitangan perlu membayar balik kos lebihan tersebut melalui potongan gaji.

MBOT mengiktiraf amaun tanpa diskaun bagi kemudahan perubatan yang dijangka perlu dibayar sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja. Kos kemudahan perubatan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan bagi tempoh perakaunan yang sama. Bayaran balik lebihan kos perubatan yang digunakan oleh kakitangan akan direkodkan sebagai aset dalam akaun lain-lain belum terima dan kurangan dalam perbelanjaan perubatan.

(4) Kemudahan Bayaran Tempat Letak Kereta

Manfaat kemudahan bayaran tempat letak kereta diperuntukan sebanyak RM50 sebulan bagi setiap kakitangan. MBOT mengiktiraf amaun bagi kemudahan ini sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja. Kos kemudahan perubatan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan bagi tempoh perakaunan yang sama.

(ii) Manfaat Selepas Perkhidmatan

**Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**
MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (j) Manfaat Pekerja (Sambungan)

(ii) Manfaat Selepas Perkhidmatan (Sambungan)

**Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)**
MBOT mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Selain itu, MBOT akan menggunapakai pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh MBOT termasuk pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

### (k) Cukai

(i) Cukai Pendapatan

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768. Oleh yang demikian, cukai ke atas hasil pendapatan MBOT adalah dikecualikan berdasarkan kepada Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

(ii) Cukai atas keuntungan hasil pelaburan, sumbangan dan lain-lain hasil jualan

Mana-mana keuntungan yang diperoleh hasil daripada pelaburan ke dalam simpanan tetap yang berjangka pendek atau panjang, sumbangan dan lain-lain hasil daripada jualan cenderahati adalah tertakluk kepada cukai. Cukai yang diiktiraf bagi keuntungan hasil pelaburan adalah jangkaan jumlah cukai ke atas keuntungan simpanan tetap yang perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan sebelum dan semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

Bagi hasil sumbangan dan lain-lain hasil jualan cenderahati, cukai diiktiraf adalah berdasarkan jumlah amaun yang diterima pada tahun kewangan semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(l) Pendedahan Pihak Berkaitan**

Pihak berkaitan adalah kakitangan penting pihak pengurusan yang merupakan Presiden dan Anggota Lembaga MBOT yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarahkan dan mengawal aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan Pengurusan Utama dibayar elaun mesyuarat dan elaun kehadiran mesyuarat atau jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan.

**(m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

(i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(1) Elaun Rosot Nilai bagi Siberhutang

MBOT menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, MBOT menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit serupa.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

(2) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Ketara dan Aset Tak Ketara

Semua aset ketara dan aset tak ketara disusutnilaikan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai dan pelunasan aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(3) Pengukuran Peruntukan

MBOT sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

### (n) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MBOT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak aset.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam memperoleh aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori aset kewangan iaitu aset kewangan pinjaman dan belum terima dan pelaburan dipegang hingga matang.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (n) Aset Kewangan (Sambungan)

MBOT hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

(ii) Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila MBOT mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### (o) Pajakan

(i) Pajakan Kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan Aset yang dipajak kepada MBOT sebagai Penerima Pajak.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (o) Pajakan (Sambungan)

Pengiktirafan awal untuk Pajakan Kewangan mengiktiraf Aset dan Liabiliti pada amaun terendah antara Nilai Saksama Aset yang dipajak dan Nilai Kini Bayaran Pajakan Minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh MBOT menjangka untuk menerima manfaat daripada pajakan tersebut.

(ii) Pajakan Operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan Pemberi Pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan Pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki Tempoh Pajakan atau anggaran Usia Guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif Pajakan yang diterima diiktirafkan dengan kadar sama rata ke atas jangka masa Pajakan sebagai pengurangan Belanja Sewa.

### (p) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, MBOT akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
(ii) pembayaran tertunggak;
(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam MBOT yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

## 5. WANG DI BANK

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Wang di bank: | 1,500,042 | 903,253 |
| Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Bayaran) | 127,201 | 2,664,515 |
| Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya (Terimaan) | 50,815 | 50,059 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya | 746 | 811 |
| Malayan Banking Berhad – Cawangan Putrajaya | 1,284,902 | 1,607,357 |
| Bank Affin Islamik Berhad – Cawangan Putrajaya | 2,963,706 | 5,225,995 |

## 6. DEPOSIT TETAP

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya | - | 1,554,126 |
| Bank Affin Islamik Berhad – Cawangan Putrajaya | 5,259,361 | 6,243,072 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad – Cawangan Putrajaya | 13,866,677 | 8,836,251 |
| | 19,126,038 | 16,633,449 |

Deposit Tetap merupakan pelaburan jangka pendek yang dipegang sehingga matang. Pelaburan ini dilaburkan di bank-bank berlesen setelah mendapat kelulusan Lembaga untuk tempoh antara enam (6) bulan hingga dua belas (12) bulan berdasarkan kepada tawaran kadar perletakan pelaburan semula. Kadar faedah deposit tetap bagi MBOT pada pada 31 Disember 2024 adalah di antara 3.90 peratus sehingga 4.05 peratus berbanding pada 31 Disember 2023 kadar faedah deposit adalah di antara 2.75 peratus sehingga 4.10 peratus.

## 7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Keuntungan atas Deposit Tetap yang Belum Terima: | | |
| - Deposit Tetap Bank Islam Malaysia Berhad - Cawangan Putrajaya | | |
| - Deposit Tetap Bank Affin Islamik Berhad - Cawangan Putrajaya | - | 14,632 |
| - Deposit Tetap Bank Muamalat | 140,014 | 57,941 |
| Malaysia Berhad – Cawangan Putrajaya | 230,383 | 122,868 |
| Lain-lain Belum Terima | 1,104 | 20,464 |
| | 371,501 | 215,905 |

Nota: Lain-lain Belum Terima merangkumi bayaran bagi invois untuk bayaran fi akreditasi, fi pendaftaran keahlian dan yuran bengkel.

## 8. BAYARAN TERDAHULU

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Bayaran kepada Touch 'N Go Sdn Bhd | 124,613 | 218,677 |
| Bayaran Prabayar | 12,066 | - |
| | 136,679 | 218,677 |

Nota: Bayaran kepada TNGO melibatkan perkhidmatan percetakan kad keahlian BIZSpoke yang telah dibuat bayaran penuh tetapi terimaan barang adalah berdasarkan kepada jumlah tempahan kad oleh MBOT.

## 9. ASET DALAM PEMBINAAN

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Baki pada 1 Januari | 218,890 | - |
| Tambahan: | | |
| Sistem Kewangan MBOT | 46,905 | 218,890 |
| Sistem Pendaftaran MBOT | 351,951 | - |
| Baki pada 31 Disember | 617,746 | 218,890 |

MBOT telah memulakan pembinaan sistem kewangan pada awal tahun 2023 dan masih diperingkat Pembangunan.

MBOT juga telah memulakan pembinaan sistem pendaftaran pada awal tahun 2024.

Sistem Kewangan dan Pendaftaran ini akan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara apabila kerja-kerja selesai dijalankan dan bayaran akhir telah dibuat.

## 10. DEPOSIT

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---:|---:|
| Deposit Berbayar | | |
| - Sewaan Ruang Pejabat (Cekap Usaha Jaya SB) | 60,000 | 60,000 |
| - Sewaan Ruang Pejabat Baru (Laksamana Builders SB) | 34,000 | 34,000 |
| - Fit-Out-Deposit Pejabat Baru (Laksamana Builders SB) | 14,000 | 14,000 |
| - Sewaan Pejabat Maya (Educity) | 600 | 600 |
| - Lantikan panel klinik baru – Klinik Dr. Najwa | 500 | - |
| | 109,100 | 108,600 |

## 11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### 2024

| | Perabot | Komputer dan Peralatan ICT | Kenderaan | Pengubahsuaian Pejabat | Peralatan dan Kelengkapan Pejabat | Hartanah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **KOS** | | | | | | | |
| Pada 01.01.2024 | 172,337 | 315,433 | 186,878 | 309,482 | 86,342 | - | 1,070,472 |
| Tambahan | - | 39,595 | - | - | - | 3,864,500 | 3,904,095 |
| Pada 31.12.2024 | 172,337 | 355,028 | 186,878 | 309,482 | 86,342 | 3,864,500 | 4,974,567 |
| **SUSUT NILAI** | | | | | | | |
| Pada 01.01.2024 | 40,407 | 228,570 | 54,707 | 274,206 | 48,287 | - | 646,177 |
| Tambahan | 17,234 | 41,001 | 23,360 | 33,928 | 14,900 | 19,304 | 149,727 |
| Pada 31.12.2024 | 57,641 | 269,571 | 78,067 | 308,134 | 63,187 | 19,304 | 795,904 |
| **NILAI BUKU BERSIH** | 114,696 | 85,457 | 108,811 | 1,348 | 23,155 | 3,845,196 | 4,178,663 |

### 2023

| | Perabot | Komputer dan Peralatan ICT | Kenderaan | Pengubahsuaian Pejabat | Peralatan dan Kelengkapan Pejabat | Hartanah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **KOS** | | | | | | | |
| Pada 01.01.2023 | 167,246 | 295,493 | 162,180 | 309,482 | 84,061 | - | 1,018,462 |
| Tambahan | 5,091 | 19,940 | 101,878 | - | 2,281 | - | 129,190 |
| Pelupusan | - | - | (77,180) | - | - | - | (77,180) |
| Pada 31.12.2023 | 172,337 | 315,433 | 186,878 | 309,482 | 86,342 | - | 1,070,472 |
| **SUSUT NILAI** | | | | | | | |
| Pada 01.01.2023 | 23,470 | 184,964 | 92,416 | 186,994 | 33,805 | - | 521,649 |
| Tambahan | 16,937 | 43,606 | 22,588 | 87,212 | 14,482 | - | 184,825 |
| Pelupusan | - | - | (60,297) | - | - | - | (60,297) |
| Pada 31.12.2023 | 40,407 | 228,570 | 54,707 | 274,206 | 48,287 | - | 646,177 |
| **NILAI BUKU BERSIH** | 131,930 | 86,863 | 132,171 | 35,276 | 38,055 | - | 424,295 |

## 12. ASET TAK KETARA

**Pembangunan Web Portal & Sistem Pendaftaran MBOT**

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| **KOS** | | |
| Pada 1 Januari | 100,262 | 100,262 |
| Tambahan | - | - |
| Pada 31 Disember | 100,262 | 100,262 |
| | | |
| PELUNASAN | | |
| Pada 1 Januari | 93,403 | 76,743 |
| Tambahan | 3,392 | 16,660 |
| Pada 31 Disember | 96,795 | 93,403 |
| | | |
| JUMLAH | 3,467 | 6,859 |

Aset Tak Ketara merupakan pembangunan Web Portal dan Sistem Pendaftaran MBOT yang dibangunkan bagi membantu dalam penyebaran maklumat kepada orang awam serta memudahkan pendaftaran dan pembayaran yuran keahlian melalui dalam talian.

## 13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran Tertunggak | | |
| - Bayaran Panel Penilai Profesional | 27,150 | 14,900 |
| - Bayaran Panel Penilai Akreditasi | 36,400 | 71,900 |
| - Lain-lain Bayaran | 134,610 | 5,843 |
| | 198,160 | 92,643 |

## 14. LAIN-LAIN BELUM BAYAR

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Audit | 13,978 | 12,000 |
| Bayaran Tertunggak | 27,404 | 89,889 |
| | 41,382 | 101,889 |

## 15. PENDAPATAN TERDAHULU – FI AKREDITASI

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Akreditasi | 138,000 | 71,000 |
| | 138,000 | 71,000 |

Nota: Pendapatan terdahulu merupakan bayaran yang sudah diterima terlebih dahulu daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk fi akreditasi yang belum dijalankan pada tahun semasa. MBOT akan mengiktiraf penerimaan ini sebagai Fi Akreditasi apabila proses akreditasi telah selesai dijalankan pada masa akan datang.

## 16. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

| 2024 | Gantian Cuti Rehat<br>RM | Kemudahan Perubatan<br>RM | Faedah Lain<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 36,309 | 6,721 | 206,586 | 249,616 |
| Peruntukan untuk Tahun Semasa | 71,496 | 5,919 | 371,244 | 448,659 |
| Bayaran Pada Tahun Semasa | (19,413) | (6,721) | (205,992) | (232,126) |
| | 88,392 | 5,919 | 371,838 | 466,149 |
| Pelarasan Peruntukan Tahun 2023 | (11,210) | - | (594) | (11,804) |
| Baki Pada 31 Disember | 77,182 | 5,919 | 371,244 | 454,345 |

| 2023 | Gantian Cuti Rehat<br>RM | Kemudahan Perubatan<br>RM | Faedah Lain<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 51,033 | 5,663 | 311,476 | 368,172 |
| Peruntukan untuk Tahun Semasa | 32,644 | 6,721 | 206,586 | 245,951 |
| Bayaran Pada Tahun Semasa | (22,350) | (5,361) | (210,206) | (237,917) |
| | 61,327 | 7,023 | 307,856 | 376,206 |
| Pelarasan Peruntukan Tahun 2022 | (25,018) | (302) | (101,270) | (126,590) |
| Baki Pada 31 Disember | 36,309 | 6,721 | 206,586 | 249,616 |

## 17. CUKAI

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 70,360 | 54,459 |
| Peruntukan Cukai untuk Tahun Semasa | 190,386 | 146,763 |
| Bayaran pada Tahun Semasa | (185,018) | (130,862) |
| Baki Pada 31 Disember | 75,728 | 70,360 |

Perbezaan ketara antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan dikalikan dengan kadar cukai berkanun adalah disebabkan oleh kesan cukai daripada perkara berikut: -

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Pendapatan Berkanun Lain: | | |
| Keuntungan atas Akaun Semasa | 18,463 | 23,500 |
| Keuntungan atas Deposit Tetap | 667,545 | 543,512 |
| Sumbangan | 93,000 | 70,000 |
| Hasil Jualan Cenderahati MBOT | 13,800 | - |
| Jumlah Pendapatan Bercukai | 792,808 | 637,012 |
| | | |
| Cukai Pada Kadar Berkanun | | |
| RM600,000 pertama (2023: RM600,000 pertama) | 136,400 | 136,400 |
| Baki pada kadar 28% (2023: 28%) | 53,986 | 10,363 |
| Jumlah Perbelanjaan Cukai untuk Tahun Semasa | 190,386 | 146,763 |

Hasil pendapatan MBOT adalah berlandaskan kepada fungsi yang dilaksanakan seperti dalam Akta 768 dan dikecualikan cukai berdasarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006.

Pengiraan cukai di atas adalah berdasarkan keuntungan hasil pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan ke dalam simpanan tetap, hibah daripada akaun semasa, sumbangan yang diterima dan juga hasil daripada jualan baju MBOT dalam tahun semasa. Cukai akan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

## 18. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Pendaftaran | 1,931,850 | 1,954,950 |
| Fi Penilaian Profesional | 2,767,900 | 2,798,700 |
| Fi Pembaharuan Keahlian | 4,057,400 | 2,469,700 |
| Fi Akreditasi | 2,583,600 | 1,035,150 |
| Yuran Bengkel | 237,011 | 245,078 |
| Yuran Tahunan - Approve Training Provider | 48,300 | 46,050 |
| Keuntungan atas Akaun Semasa | 18,463 | 23,500 |
| Keuntungan atas Deposit Tetap | 667,545 | 543,512 |
| | 12,312,069 | 9,116,640 |

## 19. HASIL URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Sumbangan | 93,000 | 70,000 |
| | 93,000 | 70,000 |

## 20. LAIN-LAIN HASIL

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Keuntungan atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | - | 6,617 |
| Hasil Jualan Cenderahati MBOT | 13,800 | - |
| | 13,800 | 6,617 |

## 21. UPAH, GAJI DAN MANFAAT PEKERJA

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Gaji | 2,362,889 | 2,288,276 |
| Sumbangan Berkanun: | | |
| - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 331,876 | 306,470 |
| - Kumpulan Wang Amanah Pencen | 20,089 | 19,347 |
| - Pertubuhan Keselamatan Sosial | 35,956 | 32,090 |
| Tuntutan Kerja Lebih Masa | 14,062 | 5,438 |
| Bantuan Khas Kewangan & Faedah Lain | 445,400 | 123,133 |
| Manfaat Pekerja: | | |
| - Gantian Cuti Rehat | 51,992 | 3,840 |
| - Kemudahan Perubatan Klinik Panel | 49,102 | 49,070 |
| - Yuran Keahlian Badan Professional & Rekreasi | 700 | 700 |
| - Kemudahan Bayaran Parkir | 14,820 | - |
| | 3,326,886 | 2,828,364 |

## 22. SEWAAN

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Sewaan Pejabat | 374,000 | 362,000 |
| Sewaan Kelengkapan Pejabat | 16,998 | 22,284 |
| Lain-lain Sewaan | 7,740 | 24,506 |
| | 398,738 | 408,790 |

## 23. PERBELANJAAN PERJALANAN & PENGINAPAN

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Perjalanan & Penginapan Dalam Negeri | 849,535 | 286,060 |
| Perjalanan & Penginapan Luar Negeri | 20,219 | 137,415 |
| | 869,754 | 423,475 |

Nota: Perjalanan & penginapan dalam negeri merangkumi tuntutan perjalanan serta tempahan tiket penerbangan bagi kakitangan MBOT serta panel-panel akreditasi yang banyak membuat lawatan akreditasi di seluruh negeri dalam Malaysia. Pada tahun 2024, MBOT telah menerima banyak permohonan bagi kitaran akreditasi kolej vokasional. Bagi perjalanan & penginapan luar negeri merangkumi tempahan tiket penerbangan dan penginapan bagi penyertaan MBOT bagi libat urus di luar negara.

## 24. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Pos Laju | 12,016 | 61,250 |
| Bekalan Elektrik | 36,385 | 32,452 |
| Bekalan Air | 188 | 198 |
| Caj Pembetungan | 1,113 | 1,027 |
| Rangkaian Internet dan Telefon | 102,613 | 105,207 |
| | 152,315 | 200,134 |

## 25. LAIN-LAIN BELANJA PERKHIDMATAN

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Guaman | 150,910 | 12,040 |
| Perkhidmatan Pengauditan | 13,978 | 12,000 |
| Perkhidmatan Penerbitan/ Promosi | 7,128 | 6,996 |
| Yuran Persidangan & Latihan | 20,397 | 7,123 |
| Perkhidmatan Katering | 82,205 | 73,252 |
| Perkhidmatan Secara Pakej | 202,154 | 179,892 |
| Honorarium Penceramah/ Fasilitator | 28,325 | 23,435 |
| Lain-lain | 415,618 | 299,106 |
| | 920,715 | 613,844 |

Nota: Lain-lain terdiri daripada bayaran langganan cloud server, bayaran lesen emel jabatan, caj meter mesin penyalin, bayaran caj bank serta perkhidmatan kecil yang lain.

## 26. ELAUN MESYUARAT & PANEL PENILAI

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Mesyuarat: | | |
| Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal | 22,285 | 25,600 |
| J/K Penerbitan | 4,800 | 8,800 |
| J/K Peperiksaan & Kelayakan | 21,700 | 13,300 |
| J/K Pengurusan, Kewangan & Audit | 4,400 | 3,000 |
| J/K Kualiti, Latihan & Pendidikan | 13,800 | 10,000 |
| J/K Penyiasat | - | 1,400 |
| Lembaga Rayuan | 1,900 | 3,800 |
| J/K Pembangunan Manual Akreditasi | 2,300 | - |
| Majlis Pembangunan Profesional Teknologi dan Teknikal (TPDC) | 2,300 | - |
| J/K Kerja – Bengkel Pembangunan Garis | 8,400 | - |
| Panduan Pelaksana Mod Industri | | |
| Elaun Panel Penilai: | 444,150 | 492,480 |
| Panel Penilai Profesional | 741,430 | 245,960 |
| Panel Penilai Program Akreditasi | 1,267,465 | 804,340 |

## 27. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti MBOT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bilangan ahli anggota Lembaga pada 31 Disember 2024 adalah seramai 8 orang manakala pada 31 Disember 2023 bilangan ahli adalah seramai 9 orang. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Bulanan | 267,173 | 321,697 |
| Elaun Kehadiran | 35,500 | 40,500 |
| Elaun Khas Lembaga MBOT | - | 9,500 |
| Bayaran Fi Profesional MBOT | - | 2,100 |
| | 302,673 | 373,797 |

## 28. PROGRAM ENTICE

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Lain-lain Sewaan | 30,000 | 28,500 |
| Perbelanjaan Perjalanan & Penginapan | 139,325 | 162,016 |
| Perkhidmatan Percetakan | 4,600 | 3,626 |
| Lain-lain Belanja Perkhidmatan | 24,370 | 16,515 |
| | 198,295 | 210,657 |

## 29. KOS PEKERJA

Perbelanjaan untuk kakitangan yang berkhidmat secara Contract of Service, Contract for Service dan juga pelatih industri. Jumlah perbelanjaan yang diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti berikut: -

| | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|
| Gaji, elaun, tuntutan kerja lebih masa dan bonus | 3,010,719 | 2,547,591 |
| Sumbangan Berkanun | 414,826 | 370,744 |
| Manfaat Pekerja | 141,343 | 53,610 |
| | 3,566,888 | 2,971,945 |

## 30. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan MBOT bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk menguruskan risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan. MBOT beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

### (i) Risiko Kredit

**Tunai dan Kesetaraan Tunai**

MBOT menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur tunai dan kesetaraan tunai dengan hanya institusi kewangan yang bereputasi baik yang mempunyai penarafan kredit yang kukuh dan dalam garis panduan tertentu yang ditetapkan selaras dengan dasar pelaburan yang diluluskan. Oleh itu, MBOT tidak menganggap terdapat sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

## 30. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (ii) Risiko Pasaran

**Risiko Kadar Faedah**
Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga pasaran seperti kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan MBOT atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko.

Analisis kepekaan kadar faedah tetap
MBOT tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

**Risiko Kecairan**
Risiko kecairan adalah risiko bahawa MBOT akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan MBOT kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti MBOT pada tarikh laporan.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **Pada 31 Disember 2024** | 198,160 | - | 198,160 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 41,382 | - | 41,382 |
| Lain-lain Belum Bayar | 454,345 | - | 454,345 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | 75,728 | - | 75,728 |
| Peruntukan Cukai | 769,615 | - | 769,615 |
| **Pada 31 Disember 2023** | 92,643 | - | 92,643 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 101,889 | - | 101,889 |
| Lain-lain Belum Bayar | 249,616 | - | 249,616 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | 70,360 | - | 70,360 |
| Peruntukan Cukai | 514,508 | - | 514,508 |

## 30. DASAR DAN PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

**(ii) Risiko Pasaran (Sambungan)**

**Risiko Kecairan (Sambungan)**
MBOT mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

**(iii) Pengurusan Risiko Modal**

Objektif utama pengurusan risiko modal MBOT adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi menyokong keperluan pembiayaan MBOT termasuk perbelanjaan modal serta memastikan bahawa MBOT kekal kukuh dari segi kewangan. MBOT sentiasa memantau aliran tunainya
bagi memastikan setiap komitmen MBOT dapat dipenuhi apabila sampai masanya.

## 31. KOMITMEN

**Komitmen Modal**

Komitmen adalah peringkat antara perjanjian dimeterai antara dua atau lebih pihak (sama ada yang menandatangani kontrak atau meluluskan undang-undang) dengan keperluan memenuhi syarat perjanjian oleh satu atau lebih pihak, yang mewujudkan obligasi untuk dilaksanakan oleh pihak yang tinggal.

Antara komitmen modal telah dibuat oleh MBOT adalah seperti berikut:

**(i) Pembangunan Sistem Kewangan**
MBOT telah membuat perolehan bagi kerja-kerja pembangunan sistem kewangan pada tahun 2023.

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Pada 1 Januari 2024 | 93,810 | - |
| Jumlah Kontrak | - | 312,700 |
| Tolak: Pelarasan | - | - |
| Jumlah keseluruhan | 93,810 | 312,700 |
| Tolak: | | |
| Bayaran pertama (8/9/2023) | - | (31,270) |
| Bayaran kedua (11/10/2023) | - | (62,540) |
| Bayaran ketiga (6/12/2023) | - | (125,080) |
| Bayaran keempat (05/01/2024) | (46,905) | - |
| Jumlah | 46,905 | 93,810 |

Jumlah kontrak bagi pembangunan sistem kewangan adalah sebanyak RM312,700 dan bayaran telah dibuat pada tahun 2023 dan 2024 adalah sebanyak RM218,890 dan RM46,905 masing-masing. Baki bayaran sebanyak RM46,905 masih belum dibayar disebabkan kerja-kerja masih dalam peringkat pembangunan.

**(ii) Pembangunan Sistem Pendaftaran**

MBOT telah membuat perolehan bagi kerja-kerja pembangunan sistem pendaftaran pada tahun 2024.

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Pada 1 Januari | - | - |
| Jumlah Kontrak | 499,421 | - |
| Tambah: Pelarasan | 5,182 | - |
| Jumlah keseluruhan | 504,603 | - |
| Tolak: | | |
| Bayaran pertama (19/1/2024) | (49,942) | - |
| Bayaran kedua (4/3/2024) | (74,913) | - |
| Bayaran ketiga (5/4/2024) | (99,884) | - |
| Bayaran keempat (11/07/2024) | (127,211) | - |
| Jumlah | 152,653 | - |

## 31. KOMITMEN (SAMBUNGAN)

**Komitmen Modal (Sambungan)**

**ii) Pembangunan Sistem Pendaftaran (Sambungan)**

Jumlah kontrak bagi pembangunan sistem pendaftaran adalah sebanyak RM499,421. Walau bagaimanapun, terdapat pelarasan dalam jumlah kontrak sebanyak RM5,183 kerana perubahan kadar cukai perkhidmatan yang diumumkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia menjadikan jumlah kontrak sebanyak RM504,604. MBOT telah membuat bayaran pada tahun 2024 sebanyak RM351,950. Baki bayaran sebanyak RM152,653 masih belum dibayar disebabkan kerja-kerja masih dalam peringkat pembangunan.

Pajakan tidak boleh batal

MBOT berhasrat untuk membeli bangunan baharu pada masa akan datang. Pada masa kini, MBOT masih lagi menyewa di unit A1-3-1 dan A1-3-3 dengan dua pemilik yang berbeza. Butiran kontrak adalah seperti berikut:

| UNIT | TEMPOH KONTRAK | SYARAT PEMBATALAN KONTRAK |
|---|---|---|
| A1-3-1 | 3 Tahun | Penyewa perlu membayar baki sewaan sehingga kontrak tamat sekiranya penamatan awal kontrak dibuat |
| A1-3-3 | 2 Tahun | Tiada bayaran perlu dibuat sekiranya kontrak ditamatkan lebih awal |

Sekiranya MBOT membuat penamatan kontrak lebih awal, MBOT perlu membayar baki sewaan bagi unit A1-3-1 dalam anggaran sebanyak RM192,000 (2024) dan RM400,000 (2023).

## 32. PEMBUNDARAN

Penyata kewangan ini dibundarkan kepada nilai Ringgit terdekat dan pembentangannya tidak mengabaikan maklumat yang material.

## 33. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

MBOT tidak menyediakan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar kerana tidak menerima sebarang peruntukan yang diwartakan.

## 34. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun kewangan semasa. Pengelasan semula ini melibatkan amaun Pendapatan Terdahulu – Fi Akreditasi di penyata kedudukan kewangan seperti berikut:

| | Selepas Pengelasan Semula | Sebelum Pengelasan Semula |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Aset Semasa** | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 215,905 | 195,775 |
| **Liabiliti Semasa** | | |
| Pendapatan Terdahulu – Fi Akreditasi | 71,000 | 50,870 |

Pada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, amaun Pendapatan Terdahulu – Fi Akreditasi telah dipersembahkan di bahagian liabiliti semasa. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2024, amaun tersebut dipersembahkan dalam bahagian aset semasa dan liabiliti semasa kerana amaun pendapatan terdahulu yang diperoleh pada tahun 2023 adalah termasuk dengan amaun lain-lain belum terima dalam Urus Niaga Pertukaran Belum Terima. Amaun yang ditunjukkan dalam Pendapatan Terdahulu – Fi Akreditasi adalah terimaan daripada yuran akreditasi sahaja dan tidak termasuk hasil urusniaga pertukaran daripada sumber yang lain.

LAPORAN TAHUNAN 2024

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS

A1-3-1 & A1-3-3, Ayer@8,
Jalan P8G, Presint 8,
62250 Putrajaya. Malaysia.

No. Tel: 03-8800 6268
Emel: info@mbot.org.my
Laman Web: www.mbot.org.my